

20/07/2005

RAFIDAH-WANITA BESI

RAFIDAH KEMBALI DENGAN GAYA "WANITA BESINYA"

Oleh: Wan Nurzila Abdul Rahman, Muin Abdul Majid & Jamaluddin Muhammad  
KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Sehari selepas mengalirkan air matanya dihadapan kumpulan media, Datuk Seri Rafidah Aziz kembali semula kepada gaya "Wanita Besinya" apabila beliau menyangkal khabar angin akan meletakkan jawatan daripada Kabinet ekoran kontroversi yang berkisar pemberian Permit Import (AP).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu tidak menunjukkan sebarang petanda berada dalam tekanan ketika beliau menjawab soalan-soalan daripada pemberita selepas menyampaikan ucapan dasarnya pada Persidangan Perwakilan Wanita Umno, di sini, hari ini.

Sebaliknya, Rafidah, 61, mempamerkan air muka yang riang sambil berjenaka serta tersenyum sepanjang tempoh 15 minit sidang akhbar yang diadakan di PWTC yang sekali lagi padat dengan media.

"Saya tidak tertekan, anda akan tertekan sekiranya anda membuat salah, anda hanya tertekan jika apa yang anda lakukan tidak betul. Bagi saya, apa yang saya katakan adalah betul. Apa yang saya lakukan adalah betul.

"Mengapa perlu saya rasa tertekan?" katanya.

Semalam, Rafidah menangis semasa sidang akhbar ketika membacakan petikan surat menjelaskan isu AP yang dihantar kepada bekas perdana menteri yang juga penasihat Proton Tun Dr Mahathir Mohamad.

Kontroversi tercetus apabila Dr Mahathir berkata pengeluaran permit AP yang begitu banyak telah membawa kepada persaingan yang tidak adil kepada kereta nasional; di mana banyak pengimport mengisytiharkan harga di bawah nilai sebenar dan menjual kereta pada harga yang lebih murah berbanding harga sebenar; dan mempersoalkan bagaimana 20 syarikat diberikan 50,000 AP sedangkan sasaran kerajaan adalah untuk membantu sebanyak mungkin ahli perniagaan Bumiputera dengan mengagihkan pengeluaran AP.

Berikutan itu, baru-baru ini Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah meminta Rafidah menjawab semua isu yang dibangkitkan oleh Dr Mahathir, yang mana telahpun dilakukan oleh beliau sebelum pergi bercuti ke luar negara.

Abdullah juga memaklumkan kepada Rafidah keperluan untuk mengumumkan nama-nama mereka yang menerima AP bagi menamatkan spekulasi bahawa permit-permit ini telah disalah gunakan.

Pada petang Isnin, Pejabat Perdana Menteri telah mengeluarkan nama-nama penerima AP dan peruntukan bagi tahun ini.

Ia mendedahkan bahawa Tan Sri Nasimuddin SM Amin Nasimuddin, pengarah urusan Naza Motor Group, dan Datuk Seri Syed Azman Syed Ibrahim serta Datuk Mohd Haniff Abd Aziz sebagai penerima utama AP menerusi beberapa syarikat.

Bagaimanapun Rafidah jelas berang dengan soalan mengenai khabar angin beliau meletakkan jawatan daripada Kabinet berhubung isu-isu AP.

"Ini cerita yang amat bodoh. Saya tak mahu komen tentangnya. Mengapa kamu bangkitkannya? Kamu semua suka lihat saya letak jawatan? Kalau tak mahu, jangan tanya soalan ini. Mereka itu (penyebarkan khabar angin) adalah orang suka mengumpat, jadi jangan," katanya.

Rafidah, antara menteri yang berkhidmat paling lama di negara ini dengan menyertai Kabinet pada 1980 sebagai Menteri Perusahaan Awam, berkata mereka yang berminat melihat beliau melepaskan jawatannya dalam Kabinet perlu bertanya Perdana Menteri mengenai perkara itu.

"Anda tanya Perdana Menteri lah. Ia bukan kuasa mana-mana menteri. Jika ada sesiapa yang begitu berminat mengenai (saya) meletakkan jawatan, tanya Perdana Menteri, beliau yang ada kuasa, saya dilantik. Tak ada guna tanya

saya," katanya.

"Mungkin seseorang mahu saya meletak jawatan, (mungkin) mereka mahu menggantikan saya," katanya.

Rafidah dilantik oleh Tun Dr Mahathir sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada 1987 menggantikan Tengku Razaleigh Hamzah.

-- BERNAMA

WNZ/MAM/JM MR ZK